

Minat jadi akauntan

Atlet wushu, Fong Ying, siswi tahun ketiga jurusan perakaunan UPM gigih berusaha dapatkan ijazah



JIKA SAYA BUKAN ATLET
Chai Fong Ying

BINTANG wushu negara, Chai Fong Ying mahu serius mendalami bidang perakaunan sebagai pilihan kerjaya andai tidak bergelar atlet.

>>Oleh **NOR HAIRULNIZAM WAHID**

hairulnizam@hmetro.com.my

SOALAN (S): Jika anda bukan atlet, anda mungkin seorang...

CHAI FONG YING (CFY): Saya mungkin akan menjadi seorang akauntan. Pada masa ini saya mengikuti pengajian tahun ketiga dalam bidang perakaunan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

S: Mengapa memilih bidang ini?

CFY: Sejak dulu lagi saya meminati bidang ini. Saya tidak minat bidang biologi atau kejuruteraan.

S: Adakah selepas ini anda akan bekerja dengan firma tertentu atau mungkin menceburi dunia perniagaan dengan bidang yang anda ceburi ini?

CFY: Mungkin juga. Semuanya masih dalam perancangan.

S: Adakah sukar untuk menguasai bidang perakaunan ini?

CFY: Saya perlu berusaha bersungguh-sungguh dan tidak meletakkan terlalu banyak tekanan kepada diri.

S: Bagaimana pencapaian anda pada tahun ini, serta perancangan tahun hadapan?

CFY: Tahun ini saya hanya menyertai satu kejohanan iaitu Kejohanan Asia di Vietnam dan memenangi pingat perak. Pada tahun hadapan, mungkin lebih banyak kejohanan tapi terpulang kepada keputusan jurulatih untuk menentukan kejuaraan yang bakal saya sertai.

S: Siapa yang menjadi pendorong anda dalam sukan ini?

CFY: Bapa dan bapa saudara saya. Kedua-duanya

adalah jurulatih di Melaka. Mereka juga menggalakkan adik saya, Fong Wei menyertai sukan ini.

S: Pandai memasak?

CFY: Saya boleh memasak sayur dan telur tapi kalau daging saya memang tidak pandai lagi.

S: Wushu sering dikaitkan dengan filem memperlihatkan diri dari China/Hong Kong. Filem apa yang paling anda minati hingga sekarang.

CFY: Saya minat filem lakonan Jet Li, Jackie Chan, Michelle Yeoh dan pelakon utama Ip Man, Donnie Yen.

S: Pernah jumpa mereka?

CFY: Saya pernah bertemu Jet Li sekali sewaktu Kejohanan Wushu Beijing yang diadakan serentak dengan Sukan Olimpik Beijing. Ketika itu saya menang pingat perak dalam kejohanan pertunjukan itu. Malangnya, saya tidak berpeluang bercakap dengannya

tetapi dia sentiasa tersenyum.

S: Prinsip hidup anda?

CFY: Lakukan setiap sesuatu langkah demi langkah.

S: Jika tidak menyertai sukan wushu, anda mungkin menyertai sukan...

CFY: Sejak dari usia empat tahun saya menyertai sukan ini, saya tidak

pernah terfikir mengenai sukan lain.

S: Kali pertama orang melihat anda, orang akan

fikir anda...

CFY: Saya tidak tahu tapi rakan kata meskipun kelihatan serius, saya mudah bergaul dan selalu tersenyum.

